

Penangguhan pengajian di Kampus UNISSA

Siaran Akhbar :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Berikut perkembangan terkini mengenai COVID-19, seperti yang dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan kemungkinan jangkitan adalah terkawal dengan menangguhkan pengajian di Kampus UNISSA mulai Sabtu, 14 Mac 2020 hingga Sabtu, 28 Mac 2020.

Walau bagaimanapun, pengajaran dan pembelajaran adalah diteruskan secara dalam talian (*online*) melalui Learning Management System (LMS) dan apa jua kaedah teknologi pengajaran juga pembelajaran.

Di samping itu, UNISSA juga telah mengambil langkah-langkah pencegahan, iaitu seperti melaksanakan Sembahyang Sunat Hajat dan Membaca Doa Tolak Bala bagi memohon keselamatan dan perlindungan seluruh Warga UNISSA juga Penduduk Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, menangguhkan semua aktiviti anjuran UNISSA yang melibatkan perkumpulan dan khidmat kemasyarakatan buat sementara waktu, mengosongkan Kolej Kediaman UNISSA bagi pelajar-pelajar tempatan dan memastikan kebersihan persekitaran Kampus UNISSA.

Kemudian, melaksanakan pemeriksaan suhu badan dan menyediakan *hand sanitizer* dan penutup mulut (*mask*). Pihak UNISSA juga ingin mengingatkan warganya untuk mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya terhadap Surat-surat Keliling Jabatan Perdana Menteri mengenai garis panduan langkah persediaan juga pencegahan jangkitan COVID-19 bagi Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam dan Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan mengenai perkembangan penyakit COVID-19.

UNISSA dengan kerjasama Kementerian Kesihatan akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini dari semasa ke semasa.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memelihara dan memberikan perlindungan kepada seluruh Penduduk Negara Brunei Darussalam daripada jangkitan wabak COVID-19.

BIBD ambil langkah berjaga-jaga berikutan COVID-19

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac. - Berikut dengan pengumuman daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai pengisytiharan COVID-19 sebagai tahap pandemik dan susulan pengumuman Kementerian Kesihatan mengenai pertambahan kes yang dikenal pasti di negara ini, pihak Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengambil langkah berjaga-jaga.

Keselamatan dan kesihatan para pelanggan, kakitangan juga orang ramai ialah keutamaan kami.

Pihak BIBD akan sentiasa berwaspada dan melaksanakan pelbagai langkah berjaga-jaga selaras dengan panduan dan arahan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan untuk memastikan keselamatan pelanggan, kakitangan dan orang ramai. Antaranya :

1. Pelan Kelangsungan Perniagaan (Business Continuity Plan) dan Garis Pandu Bekerja dari Rumah (Work from Home Guidelines) sedia ada dan akan diaktifkan jika ada keperluan.
2. Kerja-kerja membersihkan dan pembasmian kuman di premis BIBD terus dijalankan dan mempunyai jadual berkala.
3. Komunikasi dan panduan berterusan untuk memastikan semua kakitangan menjaga keselamatan diri dan sekeliling. Komunikasi untuk pihak awam akan disalurkan melalui talian yang tertentu.
4. Pembersih tangan (*hand sanitizer*) disediakan di semua cawangan dan premis BIBD.

InsyaaAllah, BIBD akan terus memainkan peranan dalam menangani pengawalan daripada merebaknya jangkitan COVID-19 dan akan terus mengemas kini segala langkah berjaga-jaga yang sedia ada. BIBD juga berterima kasih atas kesabaran para pelanggan jika langkah-langkah tersebut menjejaskan kualiti perkhidmatan BIBD. InsyaaAllah BIBD akan sentiasa memastikan kesihatan dan keselamatan semua pihak menjadi keutamaan BIBD.

Sehubungan itu, BIBD memohon maaf atas sebarang kesulitan yang biskita hadapi, dan berterima kasih atas kesabaran juga pertimbangan biskita.

Peserta Bengkel Menghalusi Sembahyang terima sijil

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Sembahyang itu wajib dipelihara, iaitu menunaikan pada waktunya, jangan sampai kita leka dan cuai oleh perkara melalaikan sehingga sembahyang tertinggal.

Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md. Salleh, seterusnya menekankan dalam melaksanakan apa jua ibadah, ilmu pengetahuan merupakan aset penting dalam menyempurnakan pelaksanaannya.

"Tanpa ilmu kita akan hanya bertaklid / mengikut apa yang orang lain buat, khususnya dalam melaksanakan ibadah sembahyang. Tanpa ilmu jadilah sembahyang yang dilakukan, seperti sembahyang orang jahil, melakukan sembahyang tidak berperaturan.

"Tanpa ilmu dalam melaksanakan ibadah sembahyang kita tidak akan dapat menunaikan ibadah sembahyang dengan sempurna," jelasnya pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel Menghalusi Sembahyang, bertempat di Masjid Serdang, di sini.

Beliau menekankan perlu ada adab semasa mendirikan sembahyang dan kesempurnaan mengerjakan sembahyang itu bermula daripada niat sehingga mengucapkan salam dengan kata yang mudah difahami dari mula hingga selesai perlu dilakukan dengan sebaiknya, sempurna rukun-rukunnya, sunat-sunatnya dan tertibnya.

Imam masjid itu, Pengiran Haji Rosman bin Pengiran Haji Shahbudin selaku Pengerusi Bengkel, antara lain berharap para peserta dapat mempelajari sebutan-sebutan yang betul, tajwid panjang dan pendeknya, bacaan-bacaan di dalam ibadah sembahyang dan pergerakan-pergerakan yang sempurna sepanjang bengkel dilaksanakan bermula Isnin lepas.

Sementara salah seorang peserta bengkel, Awang Mohammad Ali bin Haji Tamit menjelaskan, sepanjang tiga hari mengikuti bengkel, mereka banyak memperoleh ilmu pengetahuan dalam bab sembahyang, termasuk mereka *ditasmik* dan membuat praktikal dalam tatacara sembahyang yang betul, di samping tidak mengambil remeh akan perkara-perkara kecil yang boleh merosakkan sembahyang.

Atas penyertaan yang begitu menggalakkan pada bengkel yang julung kalinya diadakan pada tahun ini, pihak masjid berkenaan merancang untuk mengadakan bengkel lain, seperti bengkel menghalusi doa-doa pada masa akan datang nanti.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Bengkel Menghalusi Sembahyang. Majlis berlangsung di Masjid Serdang.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Waspada Menyebarkan Maklumat Di Sosial Media'. Tarikh Tutup : 18 Mac 2020
2. 'Pupuk Budaya Membaca Kalangan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 25 Mac 2020
3. 'Utamakan Kebersihan Semasa Penularan Wabak'. Tarikh Tutup : 1 April 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang